

10/08/1999

Azhar hampir lencongan terakhir Pulau Sabang

LANGKAWI, Isnin - Jalur Gemilang yang dikemudi Datuk Azhar Mansor hanya akan melepasi lencongan terakhirnya di Pulau Sabang, utara Sumatera, lewat petang ini, sebelum meneruskan pelayaran ke Langkawi.

Beliau hanya mencatatkan pelayaran sejauh 150 batu nautika dalam tempoh 24 jam lalu berikutan tiupan angin yang perlahan iaitu di antara dua dan enam knot, sedangkan beliau hanya memerlukan 48 batu nautika lagi untuk ke Sabang.

Sebaik tiba di perairan Sabang, Azhar hanya perlu belayar sejauh 276 batu nautika untuk mencecah garisan penamat di Jeti Star Cruise di sini di mana persiapan bagi sambutan kepulangan beliau siap diatur pada Rabu ini.

Menerusi e-mel harian Azhar ke Cabaran Jalur Gemilang yang berpangkalan di Awana Porto Malai, di sini, kira-kira jam 5.30 petang ini, beliau melaporkan semua berada dalam keadaan baik dan terkawal.

"Saya semakin hampir dengan Sabang dan dijangka melepasi lewat petang ini dan sudah terasa kesibukan lalu lintas kapal di sini. Terpaksa berjaga malam ini kerana perlu lebih berhati-hati dengan pergerakan kapal," katanya.

Azhar turut melaporkan posisi kapalnya kini berada pada latitud 05 darjah 42' 96" ke selatan, longitud 094 darjah 19' 10" ke timur dengan kelajuan hanya lima knot.

Pelayar berusia 41 tahun itu juga melaporkan keadaan laut tenang manakala angin bertiup dari barat daya. Cuaca pula mendung dengan suhu kabin mencatatkan 33 darjah Celsius manakala matahari terbenam pada jam 7.57 malam waktu Malaysia.

Masuk hari ke-188 hari ini, Azhar sudah belayar sejauh 25,118 batu nautika sejak meninggalkan Langkawi pada 2 Februari lalu.

Azmi, adik kepada Azhar yang juga Penyelaras Cabaran Jalur Gemilang, berkata beliau sudah mengatur sebuah bot laju untuk menyambut kepulangan Azhar sebaik beliau menghampiri garisan penamat.

"Isteri dan tiga anaknya adalah antara orang pertama yang akan menyambut kepulangan Azhar sebaik beliau menjejakkan kaki di jeti Awana Porto Malai," katanya yang tiba semalam untuk menguruskan persiapan akhir sambutan.

Menurutnya, Azhar kemudian dikehendaki menyerahkan dokumen perjalanannya kepada Imigresen untuk dicop terlebih dulu sebelum menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)